

17/12/1997

Sidang EC bincang isu masyarakat digital

Hizral Tazzif Hisham

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucap-tama di persidangan meja bulat anjuran Economist Conferences (EC) bertajuk Masyarakat Elektronik di Asia yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, pada 12 hingga 13 Februari tahun depan.

Persidangan dua hari yang akan dilangsungkan di Palace of the Golden Horses, Mines Resort City itu dijangka membincangkan perkembangan pesat industri teknologi maklumat (IT) di Asia.

Pengarah Urusan Paddy Schubert Sdn Bhd (PSSB), Datuk Paddy Bowie, berkata persidangan itu turut menganalisis pelbagai isu yang timbul dalam industri IT serantau, kesannya kepada Malaysia serta anggaran pertumbuhan perdagangan elektronik.

"Ini adalah kali pertama EC menganjurkan persidangan khusus membincangkan masyarakat elektronik dan pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah adalah satu penghormatan yang tinggi kepada negara berdasarkan peranan aktif yang dimainkan melalui konsep Koridor Raya Multimedia," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Persidangan EC itu dilangsungkan selepas pertemuan semua 30 ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di Kuala Lumpur, Februari tahun depan. EC adalah badan yang menganjurkan perbincangan antara kerajaan dan swasta khusus membicarakan perkembangan semasa.

Beliau berkata, persidangan meja bulat itu akan membincangkan isu mengenai langkah kerajaan untuk membangunkan masyarakat elektronik dan kesannya kepada industri IT dan telekomunikasi secara global.

Antara pembentang kertas kerja ialah Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah; Guru Strategi, Kenichi Ohmae; Presiden Acer, Stan Shih, Pengarah Eksekutif Pusat Komunikasi Global, Professor Shumpei Kumon; dan Penasihat Kanan Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa, Diana Lady Dougan.

(END)